

## **SOALAN-SOALAN LAZIM UNIT PERPUSTAKAAN PERUBATAN HRPZ II**

**Soalan 1 :** Adakah Perpustakaan Perubatan HRPZ II juga dibuka kepada orang awam?

**Jawapan :** Tidak, sehingga kini, Perpustakaan Perubatan HRPZ II hanya dibuka kepada kakitangan Hospital Raja Perempuan Zainab II sahaja.

**Soalan 2 :** Bagaimana dengan waktu perkhidmatan Perpustakaan Perubatan HRPZ II?

**Jawapan :** Waktu perkhidmatan Perpustakaan Perubatan HRPZ II :-

**Ahad – Rabu** : 7.30 pg hingga 5.30 ptg

**Khamis** : 7.30 pg hingga 4.00 ptg

**Ditutup pada hari kelepasan am.**

**Dibuka pada waktu rehat tengahari.**

**Soalan 3 :** Apakah bahan yang terdapat di Perpustakaan Perubatan HRPZ II hanya mengenai bidang perubatan sahaja?

**Jawapan :** Tidak, di Perpustakaan Perubatan HRPZ II juga terdapat bahan bacaan umum atau bacaan ringan yang lain seperti akhbar tempatan, novel, majalah, laporan dan risalah.

**Soalan 4 :** Apakah bahan-bahan yang terdapat di Perpustakaan Perubatan HRPZ II boleh dipinjam?

**Jawapan :** Ya, bahan-bahan di Perpustakaan Perubatan HRPZ II boleh dipinjam selepas mendaftar sebagai ahli Perpustakaan.